

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan terhadap syarikat bas yang membenarkan pemandu yang mempunyai saman tertunggak untuk memandu bas.

JAWAPAN: YB DATUK HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh pengendali bas ialah memastikan pemandu mereka menjalankan perkhidmatan mengikut peraturan jalan raya yang telah ditetapkan.
2. Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen atau permit kepada operator pengangkutan awam darat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah membangunkan Kod Amalan Industri – Keselamatan (SPAD ICOP – Keselamatan) yang dijadikan syarat-syarat lesen pengendali yang wajib dipatuhi oleh penyedia atau operator pengangkutan awam darat.
3. SPAD ICOP – Keselamatan menyenaraikan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali, seperti penyediaan Dasar Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja, Pemeriksaan Harian Pemandu dan Kenderaan, Pemasangan dan Pemantauan GPS, Manual dan Prosedur Penyelenggaraan Kenderaan, Latihan Pemanduan Bas, serta semakan audit dalaman (oleh pengendali) dan audit luaran (oleh SPAD).
4. Bagi memastikan hanya mereka yang layak diambil sebagai pemandu, SPAD ICOP turut menggariskan kod Prosedur Pengambilan Pemandu yang perlu dipatuhi oleh operator.

5. Bagi memenuhi keperluan kod ini, pengendali hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dilakukan:

- (a) semakan rekod penglibatan dalam aktiviti jenayah berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (b) semakan rekod saman trafik dalam masa tiga (3) tahun (*habitual offender*) berdasarkan rekod S.P.A.D., PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- (c) semakan mata demerit di bawah Sistem KEJARA oleh JPJ;
- (d) pelaksanaan ujian tahap kemahiran memandu ke atas pemandu (sekiranya bukti latihan yang dikemukakan kepada pihak syarikat adalah tidak meyakinkan); dan
- (e) pemeriksaan kesihatan (6 bulan tempoh sahlaku).

6. S.P.A.D. juga merancang untuk mengeluarkan Kad Pemandu kepada pemandu bas seperti mana yang dilaksanakan kepada pemandu teksi pada masa ini. Maklumat permohonan mendapatkan kad pemandu ini akan diintegrasikan dengan sistem semasa PDRM dan JPJ bagi bagi membolehkan semakan dibuat mengenai rekod kesalahan-kesalahan pengendali dan pemandu terhadap mana-mana undang-undang dan peraturan agensi-agensi yang berkenaan, termasuklah rekod saman tertunggak.

Sekian, terima kasih.